

27 JUL 2002

MCA-Reaksi

KEAKRABAN ANTARA KAUM PERLU DIPUPUK SEJAK AWAL

KUALA LUMPUR, 27 Julai (Bernama) -- Beberapa pemimpin MCA hari ini berpendapat jalinan keakraban antara masyarakat pelbagai kaum di negara wajar dipupuk sejak di bangku sekolah lagi.

Mereka berkata peranan ibu bapa dan institusi pendidikan adalah penting dalam memikul tugas menyatupadukan kaum-kaum yang terdapat di negara ini.

Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata kebanyakan ibu bapa sekarang lebih cenderung menghantar anak-anak mereka ke sekolah aliran Cina dan Tamil daripada sekolah kebangsaan.

"Kanak-kanak cenderung pergi ke sekolah aliran bahasa ibunda mereka. Tetapi sekiranya ini adalah satu hakikat, mari kita cari cara lain," katanya kepada pemberita sebagai reaksi terhadap ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan MCA ke-49 di sini.

Dalam ucapannya itu, Perdana Menteri yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN), berkata ekstremisme berasaskan kaum semakin teruk di kalangan generasi muda negara ini.

Katanya ekstremisme berasaskan kaum semakin serius sekarang berbanding sebelum ini yang penduduk daripada latar belakang yang berbeza dapat bercampur gaul antara satu sama lain.

Dr Ling, yang juga Menteri Pengangkutan berkata jalan keluar perlu dicari supaya pelajar daripada pelbagai aliran boleh bersama-sama seperti ketika menjalankan aktiviti sukan dan sebagainya.

Timbalan Presiden MCA Datuk Lim Ah Lek pula berpendapat pergaulan sejak di bangku sekolah lagi penting sekiranya perpaduan kaum mahu dipupuk.

"Kalau kita dari sekolah rendah sampai ke sekolah menengah berkawan dengan bangsa lain, bila dewasa nilai untuk kita bersatupadu dan bekerjasama akan wujud," katanya.

Ketua Wanita MCA Datuk Ng Yen Yen pula berkata ibu bapa perlu memainkan peranan mereka untuk menggalakkan anak-anak mereka berkawan dengan bangsa lain.

-- BERNAMA
YBK MAM RHM